



كامر كتوا حاكم شرعي محكمه شرعية نكري ملاك

KAMAR KETUA HAKIM SYARIE

MAHKAMAH SYARIAH NEGERI MELAKA

KOMPLEKS MAHKAMAH SYARIAH MELAKA,
JALAN AYER KEROH LAMA, HANG TUAH JAYA,
75450 MELAKA

Tel. Pejabat : 06-233 2050

Fax : 06-231 1275

Laman Web : www.mahsyariahmelaka.gov.my

Ruj.Kami : MSNM 100-1/6/3 ()

Tarikh : 07 April 2017

Yang Arif Hakim Mahkamah Tinggi Syariah,
Tuan Ketua Pendaftar,
Tuan/Puan Hakim Mahkamah Rendah Syariah,
Tuan/Puan Pegawai Mahkamah Syariah,
Tuan/Puan Peguam Syarie,
Pihak-pihak yang berurusan di Mahkamah Syariah,

Yang Arif / Tuan / Puan,

ARAHAN KETUA HAKIM SYARIE NEGERI MELAKA BIL.7 TAHUN 2017

PEMFAILAN KES MAL SECARA BERASINGAN MENGIKUT JENIS DAN KOD KES

Saya ingin menarik perhatian Yang Arif / Tuan / Puan kepada keputusan Muzakarah Hakim Syarie Negeri Melaka Bil.3 tahun 2017 pada 31 Mac hingga 2 April 2017 di Hotel Waterfront, Kuching, Sarawak telah bersetuju memutuskan bahawa;

1. Setiap permohonan pemfailan kes Mal yang diterima dari pihak-pihak hendaklah didaftarkan dengan menggunakan kod kes mengikut jenis perkara / perintah yang dipohon.
2. Sesuatu permohonan pemfailan kes yang melebihi dari satu jenis perkara / perintah hendaklah difailkan secara berasingan mengikut jenis perkara / perintah yang dipohon.
3. Permohonan yang tidak lengkap dan tidak teratur boleh ditolak oleh Pendaftar.

Arahan ini berkuatkuasa serta merta.

Sekian, terima kasih.

“SYARIAH ASAS KEADILAN”

Saya yang menurut perintah,

(DATUK HJ MOHD RADZI BIN HJ ABD LATIF)

Ketua Hakim Syarie
Mahkamah Syariah Negeri Melaka